



BABI DALAM PENDIDIKAN VETERINAR: SUATU PANDUAN MENURUT FIQH. ¹

Oleh:

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

Pendahuluan.

Dalam era globalisasi sekarang, peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. menjadi semakin kompleks dan mencabar. Sebagai khalifah, manusia perlu menunaikan tanggungjawabnya terhadap Allah s.w.t. serta tanggungjawab sesama makhluk. Justeru, umat Islam khususnya, perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan mendalami serta menguasai pelbagai cabang ilmu dan melaksanakan tuntutan fardhu kifayah demi kemaslahatan 'ammah.

Bidang pendidikan sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut tuntutan zaman. Perkembangan pesat dalam pelbagai cabang ilmu telah membawa banyak penemuan baru dan cabaran kepada umat Islam. Pendidikan veterinar khususnya mengenai khinzir merupakan salah satu daripada keperluan semasa kepada umat Islam kerana ia telah dan akan membawa pelbagai implikasi dalam konteks kehidupan hari ini dan generasi akan datang. Kajian atau penyelidikan dalam bidang ini akan memberikan manfaat secara keseluruhan terutama dalam aspek agama, perubatan, sains, teknologi makanan, sosio budaya, ekonomi dan masyarakat dalam sesebuah negara.

Dalam masa yang sama, untuk melaksanakan segala keperluan dalam pendidikan veterinar, umat Islam seharusnya terlebih dahulu perlu menguasai prinsip asas yang terkandung dalam Islam yang berteraskan aqidah, syariah dan akhlak, serta dapat membezakan antara yang baik dan buruk, yang benar dan batil dengan sebaik-baiknya.

Khinzir dan Kenajisannya.

Seperti yang diketahui oleh umat Islam, daging khinzir adalah haram dimakan. Pengharamannya meliputi seluruh anggotanya termasuklah daging, lemak, limpa, jantung, air mata, air kencing, najis, kulit, kuku, bulu dan seluruh aspek badan yang dihubungkan dengan haiwan itu, sama ada yang mentah atau yang sudah dimasak, yang disembelih dengan cara syarie atau yang tidak disembelih, sama ada untuk kegunaan makanan atau peralatan seperti penyapu, kasut, tali pinggang dan lain-lain. Kesemua ini tidak boleh dibersihkan dan disucikan.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Standard Halal dan Kepenggunaan, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dan Persatuan Kebajikan Islam SIRIM dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Islam, UPM dan Fakulti Perubatan Veterinar, UPM, 8 Ogos 2009, di Auditorium SIRIM Berhad, Shah Alam, Selangor.



Beberapa ayat dalam al-Quran dengan jelas telah menyatakan hukum ini. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Maidah, ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ ...

Maksud: 'Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya...'

Firman-Nya lagi dalam surah al-An'aam, ayat 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا
مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ ..

Maksud: 'Katakanlah (Wahai Muhammad) - Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, melainkan kalau benda itu bangkai atau darah mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya ia adalah kotor...'

Ayat-ayat ini telah menyatakan perkaitan di antara khinzir dengan bangkai dan darah yang mengalir. Ini jelas menunjukkan bahawa khinzir dan seluruh anggotanya tidak boleh disucikan seperti mana tidak boleh disucikan darah yang mengalir atau tidak mengalir dan juga bangkai. Apabila terbukti kenajisan khinzir itu, maka diharamkan memakan apa sahaja jujuk daripada khinzir kerana najis semuanya adalah haram dimakan.

Justeru, **ulama' dalam Mazhab Syafie bersepakat haram** diguna pakai semua barangan yang diperbuat daripada khinzir sama ada bulunya, kulitnya atau jujuk-jujuknya, sama ada dalam bentuk makanan, barangan, peralatan atau lain-lain termasuklah membuat ubat bagi segala macam penyakit kerana tiada ubat pada benda-benda najis. Pendapat ini menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia.

Selain itu, persoalan berkaitan khinzir adalah di antara topik hangat yang pernah dibincang dan dibahas oleh para ulama' dalam pelbagai mazhab. Perbahasan ini juga merangkumi penggunaan barangan yang diperbuat daripada khinzir.

Pertama:

Imam Malik berpendapat, daging khinzir haram dimakan tetapi badannya suci ketika hidupnya. Kedudukan hukumnya sama dengan beberapa jenis haiwan yang haram dimakan dagingnya seperti harimau, musang, helang, gajah dan sebagainya.

Menurut beliau lagi, ayat-ayat al-Quran hanya menjelaskan khinzir haram dimakan dagingnya, tetapi tidak pula menyatakan najis. **Imam Nawawi** daripada Mazhab Syafie juga mengakui, tidak ada dalil jelas menunjukkan khinzir itu najis.



Perkataan najis membawa maksud kotor atau jijik yang dinyatakan dalam surah al-An'aam, ayat 145 merujuk kepada daging khinzir. Ia bersifat umum dan tidak menunjukkan dengan jelas sama ada najis itu bersifat 'aini atau najis yang tidak boleh disucikan lagi kerana najis juga boleh bersifat sebagai najis hukmi seperti mana yang dinyatakan terhadap orang kafir yang disebut dalam surah at-Taubah, ayat 28 yang bermaksud: '*Sesungguhnya orang kafir musyrikin itu najis*'.

Tiada para ulama' yang berpendapat bahawa orang kafir itusebagai najis 'aini, sebaliknya mereka berpendapat ia hanya najis hukmi atau najis i'tiqad (kepercayaan) sahaja.

Kedua:

Para ulama' memutuskan apa jua haiwan yang mati tanpa sembelih hukumnya adalah najis kerana ianya adalah bangkai. Semua kulit bangkai boleh disucikan melalui samak, **kecuali kulit anjing dan khinzir**. Perkara ini jelas dinyatakan menurut kebanyakan ulama' termasuk pendapat dalam Mazhab Syafie.

Bagaimana pun, **Imam Abu Yusuf dan al-Zahiri** berpendapat, kulit anjing dan khinzir juga boleh disucikan dengan samak, berdasarkan hadis riwayat Muslim yang menyatakan - '*Apa jua kulit haiwan, ianya suci apabila disamak*'.²

Menurut Imam Abu Yusuf dan al-Zahiri, hadis ini bersifat umum kepada semua jenis kulit termasuklah kulit anjing dan khinzir. Oleh kerana itu, merujuk kepada pendapat ini, segala barangan yang diperbuat daripada kulit anjing dan khinzir yang telah disamak boleh digunakan dan dipakai.

Ketiga:

Merujuk kepada hukum khinzir yang diambil sebagai ubat-ubatan. Para ulama' bersepakat memutuskan bahawa bangkai semua haiwan adalah najis walau pun menurut **Imam Abu Yusuf dan al-Zahiri** kulit bangkai termasuk bangkai khinzir boleh disucikan dengan samak, tetapi jujuk-jujuk khinzir yang bukan kulitnya tidak boleh disucikan dengan samak.

Atas dasar ini, para ulama' lebih cenderung kepada pendapat **mengharamkan ubat-ubatan yang terdapat unsur khinzir seperti tisu, enzim, lemak dan sebagainya yang dicampur dalam ubat-ubatan kerana benda-benda najis tidak boleh dijadikan ubat, kecuali dalam keadaan darurat**.

Keempat:

Para ulama' memutuskan, **makanan yang dimasuki bahan-bahan najis haram dimakan**. Gelatin atau jeli yang biasanya diproses di negara-negara bukan Islam, jika asalnya diperbuat daripada haiwan yang tidak disembelih atau khinzir, maka hukumnya najis dan tidak halal dimakan. Namun begitu, tidak semua gelatin itu najis dan diperbuat daripada khinzir.

² Sahih Muslim, hadis bil. 366.



Kaedah Menyamak Najis Mughallazah.

Persoalan tentang hukum menyamak dengan tanah pada tempat yang terkena najis mughallazah sebenarnya timbul dalam perbincangan para fuqaha berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w.:

طهور اثناء أحدكم اذا ولغ فيه الكلب أن يغسله سبع مرات أولاهن بالتراب

Maksud:

'Bersihkanlah bekas makanan kamu yang dijilat anjing dengan tujuh kali basuhan dan yang pertama daripadanya dengan tanah.'

(riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut dan beberapa hadis lain yang berkaitan, para fuqaha telah berselisih pendapat tentang hukum menyamak ini kepada beberapa pendapat:

1. **Al-Syafiih** dan **Hanabilah** berpendapat **wajib dibasuh tempat yang terkena najis mughallazah** sebanyak **tujuh (7) kali** dan **salah satu daripadanya dengan air bercampur tanah**. Sekiranya tanah tersebut **diganti dengan benda lain** seperti **sabun, ushnan** (pokok yang tumbuh di tanah berpasir dan digunakan untuk menyucikan tangan dan pakaian) dan sebagainya maka menurut **pendapat yang paling kuat (azhar)** dalam **Mazhab Syafie** ianya **tidak memadai**.

Ini kerana perintah untuk membasuh dengan tanah adalah perkara **ta'abbudi** yang **tidak boleh diganti** dengan yang lain. **Pendapat kedua** dalam **Mazhab Syafie** menyatakan, **gantian tanah adalah memadai**. **Pendapat ketiga**, **memadai sekiranya tiada tanah** untuk tujuan tersebut dan **pendapat keempat (قيل)** **memadai sekiranya penggunaan tanah akan merosakkan peralatan, baju dan seumpamanya**.³

2. Sesetengah fuqaha **Hanabilah** pula berpendapat, **harus menggantikan tanah** tersebut dengan dengan **benda lain seumpamanya** (yang sifatnya membersihkan) **ketika tiada tanah** atau **boleh merosakkan peralatan atau tempat** yang dibasuh tersebut. **Sekiranya ada tanah** dan **tiada kemudharatan** maka **penggunaannya adalah diwajibkan**.⁴
3. **Malikiah** berpendapat, **disunatkan membasuh bekas yang terkena najis mughallazah sebanyak tujuh kali**. **Tidak diwajibkan menggunakan tanah** bersama basuhan tersebut kerana penggunaan tanah **tidak thabit** di dalam setiap periwayatan hadis. Terdapat sesetengah hadis yang diriwayatkan tidak

³ Mughni al-Muhtaj, Juzu' 1, hal. 137. Raudhah al-Talibin, Juzu' 1, hal. 141-142.

⁴ al-Mausuah al-Fiqhiah, Jld 10, hal. 138-139.



menyatakan tentang samak menggunakan tanah. Oleh itu, ia **tidak boleh dijadikan hujah mewajibkannya**.⁵

4. **Hanafiah** pula mempunyai beberapa pendapat dalam hal ini. Terdapat di antara mereka yang menyatakan **wajib dibasuh tiga kali, lima kali atau tujuh kali** berdasarkan hadis riwayat *Dar al-Qutni* daripada Abu Hurairah bahawa Nabi s.a.w. membasuh **kesan jilatan anjing** pada bekas makanan sama ada **tiga, lima atau tujuh kali**. Dalam *Hasyiah al-Thahawi* menyebutkan, '**disunatkan tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan tanah**'.⁶

Memandangkan masyarakat Islam di Malaysia mengamalkan Mazhab Syafie dalam kebanyakan urusan ibadah, maka **amalan samak** sebanyak **tujuh kali** yang salah satu daripadanya menggunakan tanah telah diterimapakai secara umum oleh masyarakat, sama ada untuk menyucikan najis mughallazah yang terkena pada badan, pakaian, rumah dan sebagainya.

Keharusan Menggunakan Sabun Samak.

Berdasarkan kemajuan dan perkembangan semasa, isu samak ini telah menarik minat sesetengah pengusaha untuk mencipta sabun daripada tanah liat yang boleh digunakan untuk menyamak najis mughallazah di samping berfungsi sebagai sabun biasa. Persoalannya, adakah sabun tanah liat tersebut boleh dianggap memadai bagi menggantikan tanah biasa seperti mana yang dimaksudkan dalam hadis Rasulullah s.a.w. sebelum ini?

Jika dilihat kepada **zahir hadis** yang telah dinyatakan, Rasulullah s.a.w. tidak memperincikan bentuk dan keadaan tanah yang boleh digunakan untuk menyucikan najis mughallazah. Ini seolah-olah menunjukkan semua jenis tanah yang ada di atas muka bumi ini boleh digunakan untuk menyamak. **Imam al-Sharbini** menyatakan boleh dengan semua jenis tanah sekalipun debu pasir.⁷

Perkara yang disyaratkan oleh para fuqaha ialah tanah yang digunakan untuk menyamak mestilah bersih daripada najis. Campuran tanah dengan benda-benda lain tidaklah menjadi halangan sekiranya campuran tadi bukan najis dan tidak mengubah sifat asal (keaslian) tanah tersebut. Penyucian dengan tanah adalah menjadi **syarat** dan **bukannya satu kemestian** keseluruhan kandungannya daripada tanah menurut pendapat yang *asah*.⁸

Untuk menggunakannya (samak), tanah tersebut perlu disusuli dengan air sama ada dengan cara mencampurkan kedua-duanya atau meletakkan tanah dan kemudiannya disiram air ke atasnya atau menyiram air terlebih dahulu daripada tanah.⁹ Basuhan air

⁵ Ibid, hal. 139.

⁶ Ibid, hal. 139-140.

⁷ Mughni al-Muhtaj, Juzu' 1, hal. 137.

⁸ Qalyubi wa Umairah, Juzu' 1, hal. 74.

⁹ al-Iqna, Jilid 1, hal. 233.



dengan tanah hanya disyaratkan sekali sahaja daripada tujuh basuhan tersebut dan ia lebih sesuai (أولى) diletakkan pada basuhan yang pertama.¹⁰

Kesimpulannya, para fuqaha **tidak sependapat** dalam **mewajibkan penggunaan tanah semasa proses menyamak najis mughallazah**. Terdapat pendapat yang mewajibkannya dan ada yang mengatakan penggunaan tanah hanya sunat.

Mazhab yang mewajibkan penggunaan tanah semasa proses menyamak najis mughallazah turut **berbeza pendapat** tentang **bahan alternatif selain tanah** yang boleh digunakan untuk menyamak najis mughallazah. Ada yang mengatakan **hanya tanah** yang boleh digunakan untuk menyamak najis mughallazah, ada yang **mengharuskan** penggunaan **bahan alternatif yang fungsinya seumpama tanah** dan ada yang **mengharuskan** penggunaannya **sekiranya tiada tanah atau melibatkan kemudharatan**.

Tanah yang **dicampur dengan benda asing** tidaklah menjadi halangan asalkan tidak mengubah keaslian tanah dan ianya suci.

Sabun Tanah Liat Yaqeen.

Sabun tanah liat dengan jenama **Yaqeen** merupakan sejenis sabun yang dikeluarkan oleh **Syarikat Heritage De Beau Impression**, sebuah syarikat Bumiputera. Ia merupakan sabun tanah liat yang dicipta khusus untuk kegunaan masyarakat Islam sebagai sabun untuk menyamak **najis mughallazah** dan pada masa yang sama boleh digunakan sebagai **mandian biasa**.

Kandungannya **dikatakan 100 % halal** dan diperbuat daripada **90% tanah liat asli (clay mud)** yang diambil daripada **tanah lapisan ketiga (3)** yang dipanggil **montmorillonite**. Untuk menghasilkannya, tanah liat tadi **dibersihkan** dan **dijemur** di bawah cahaya matahari, setelah kering ia **ditumbuk dan diayak** secara manual sehingga halus dan berbentuk tepung. Kandungan tanah sebanyak 90% dalam bentuk tepung tadi akan dimasukkan ke dalam bahan-bahan lain untuk dibuat sabun.

Selain daripada tanah liat, bahan lain yang diadun bersama ialah *Glycerin, Sodium Laureth Sulfate, Stearic Acid, Sodium Stearate, Pertasodium Pentate, Clove Oil, Methylparaben* dan *Propylparaben* yang disahkan suci daripada unsur haiwan. Apabila adunan bahan-bahan telah sebatu maka ia dimasukkan ke dalam acuan untuk proses pengerasan. Selepas diproses dalam jangka masa lebih kurang empat (4) jam, maka akan terbentuklah sabun sebagaimana bentuk acuan tadi dan telah sedia untuk dibungkus dan dipasarkan.

Di antara kegunaan sabun tanah liat Yaqeen ini ialah ;

1. Untuk bersuci daripada najis mughallazah.
2. Untuk menghaluskan kulit, menghilangkan jerawat dan jeragat.

¹⁰ Mughni al-Muhtaj, Juzu' 1, hal. 137.



3. Untuk merawat kulit bermasalah seperti panau, gatal-gatal, bintik merah dan kaki merekah.

Sehubungan itu, sekiranya kandungan tanah di dalam produk sabun **Yaqeen** yang dikeluarkan oleh **Syarikat Heritage De Beau Impression** ini mempunyai 90% tanah liat asli, maka sabun ini boleh digunakan untuk menyamak najis mughallazah. Tambahan pula, sesetengah benda pada masa sekarang tidak sesuai dibasuh dengan tanah secara langsung seperti peralatan kilang, pakaian dan sebagainya, maka sabun samak Yaqeen boleh menjadi alternatif kepada permasalahan ini. Ia juga sesuai dengan pendapat kedua dan keempat dalam Mazhab Syafie serta pendapat sesetengah pengikut Mazhab Hanbali.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006, di Hotel The Legend, Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa :

'Sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah penggunaannya dilakukan mengikut syara'.

Beberapa Isu Berkaitan Khinzir.

Berikut dinyatakan beberapa isu yang mempunyai perkaitan dengan khinzir dan boleh dijadikan sebagai rujukan umum dalam menangani permasalahan semasa umat Islam:

1. Pakaian yang digunakan oleh pengamal veterinary.

Pakaian yang digunakan sama ada oleh para pelajar mahu pun pengamal veterinary haruslah pakaian yang sesuai seperti baju yang berlempang panjang, memakai sarung tangan (glove) dan memakai kasut ketika memegang khinzir atau pun anjing sekalipun ianya dilakukan untuk tujuan pembelajaran, penyelidikan mahupun rawatan kepada haiwan tersebut.

Oleh yang demikian, pakaian tersebut hendaklah disamak sekiranya ingin digunakan semula. Jika masih merasa kurang yakin, seseorang individu itu perlu menyamak anggota tubuh luaran dirinya sekadar di tempat yang dirasakan bersentuhan dengan anggota binatang tersebut.

2. Hukum memegang khinzir dan anjing.

Hukum memegang khinzir dan anjing tidaklah menjadi satu perbincangan yang utama kerana selain daripada bertujuan untuk pembelajaran, penyelidikan atau rawatan, umat Islam masih diharuskan untuk menggunakan anjing bagi tujuan berburu, menjaga haiwan ternakan dan sebagainya. Sama ada ia dipegang secara sengaja atau tidak sengaja, apa yang lebih utama adalah kedua-dua binatang ini adalah najis mughallazah dan Islam sendiri telah menetapkan cara untuk menyucikan diri daripada najis ini.

3. Sensitiviti umat Islam di Malaysia.



Umat Islam diwajibkan untuk menuntut ilmu dan mempelajari sesuatu perkara itu atas beberapa sebab. Salah satu daripadanya adalah untuk kebaikan dan kemaslahatan seluruh umat manusia. Mereka yang terlibat dalam pendidikan veterinar sama ada sebagai pelajar, tenaga pengajar mahu pun pegawai veterinar yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Haiwan perlu melaksanakan tanggungjawab ini.

Khidmat mereka ini diperlukan oleh negara untuk melakukan pelbagai kajian dan penyelidikan terutamanya bagi tujuan pencegahan sesuatu penyakit. Masyarakat kita tidak mampu lagi untuk menghadapi pelbagai permasalahan yang datang daripada khinzir seperti mana merebaknya virus JE, virus Nipah pada tahun 1999 serta yang terbaru virus Influenza A (H1N1) hingga boleh mengancam nyawa manusia.

Justeru, masyarakat tidak perlu memandang serong terhadap mereka yang terlibat dalam bidang ini. Ia adalah kerana falsafah 'mencegah adalah lebih baik dari mengubati' (الوقاية خير من العلاج) atau '*prevention is better than cure*' merupakan kaedah yang terbaik bagi menangani permasalahan seperti ini.

4. Jaminan ganti rugi dan jual beli khinzir.

Bagi pihak orang bukan Islam, khinzir dianggap sebagai harta yang bernilai. Seekor khinzir akan dimanfaatkan keseluruhannya termasuklah daging, tulang, organ dalaman, kulit, bulu serta najisnya. Ia dimanfaatkan sebagai makanan, ubat-ubatan, produk pembuatan, pakaian, baja dan sebagainya. **Harus berjual beli di antara mereka (sesama bukan Islam)** walaupun berada di negara Islam.

Bagi **orang Islam** pula, khinzir dianggap bukan sebagai harta yang bernilai. **Tidak harus (haram) berjual beli atau memakannya kecuali terpaksa atau dalam keadaan darurat.**

5. Membinasakan khinzir.

Sekiranya seseorang **Muslim mencuri khinzir milik orang Islam**, hukumnya **tidak wajib dipulangkan semula** atau jika dibunuh khinzir itu sekalipun, ia tidak wajib diganti. Tetapi jika **khinzir milik orang bukan Islam yang dicuri sama ada oleh orang Islam atau pun yang bukan Islam, ia wajib dipulangkan atau jika dibunuh wajib diganti khinzir** tersebut dengan seumpamanya. Tetapi tidak wajib dipotong tangan ke atas pencuri khinzir kerana terdapat syubhah iaitu tiada nilai menurut syarak terhadap khinzir yang dimiliki oleh orang Islam.

Penutup.

Pendidikan veterinar merupakan suatu bidang yang memenuhi keperluan semasa ketika ini. Bidang ini akan membawa banyak manfaat sama ada untuk bidang pendidikan itu sendiri, mahu pun kepada masyarakat dan negara. Dalam masa yang sama, keharmonian, kesejahteraan dan kesepaduan dalam hubungan masyarakat perlu



*Seminar Fenomena Nails Mughallazah
Dalam Dunia Kontemporari*

dikekalkan dengan mengambilkira sensitiviti, adat dan budaya tempatan dalam konteks masyarakat berbilang kaum dan agama.

Masyarakat tidak boleh hanya dengan melemparkan stigma terhadap mereka yang terlibat dalam bidang ini. Dalam keadaan yang sama, keperluan pendidikan dalam bidang ini tidak membenarkan individu terutamanya mereka yang beragama Islam untuk mengambil ringan akan tuntutan serta garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam.